

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)  
SOALAN 17 (A108)**

Adakah Jabatan Kerja Raya telah membuat tinjauan berkaitan jalan persekutuan yang bertampal tampal dari simpang FELDA Kemelah hingga persimpangan Bandar Putra?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Segamat sentiasa memantau jalan persekutuan dan Jalan Negeri di bawah seliaan JKR Daerah Segamat dari semasa ke semasa melalui kerja pemantauan konsesi jalan persekutuan mahupun di bawah Pasukan Jabatan sendiri.

Bagi pembaikan jalan secara jangka pendek pihak JKR Daerah Segamat memastikan tiada pothole di laluan terlibat dan jika terdapat pothole kerja pembaikan akan dilaksanakan terus dalam masa 24jam.

Bagi pembaikan jangka panjang, kerja pembaikan jalan secara membarumuka jalan dan akan dimohon untuk kelulusan peruntukan pada tahun 2023.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)  
SOALAN 18 (A93)**

Bagi meningkatkan kemahiran dan pendidikan serta taraf hidup penduduk setempat. Apakah ada perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Johor untuk membina IPTA/IPTS di tanah Sedili, sekiranya ada terima kasih dan seandainya sebaliknya mohon untuk dibawa pembinaannya ke tanah Sedili.

**JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH**

Jabatan berpandangan bahawa sebarang cadangan penubuhan institusi pendidikan tinggi baharu terutamanya institusi awam perlu diteliti dari segi keperluan sebenar guna tenaga negara dan sama ada 20 buah universiti awam (UA) dan 417 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sedia ada tidak dapat menampung kelompok pelajar berkaitan.

Untuk makluman YB, dalam ekosistem pendidikan tinggi awam sedia ada di negeri Johor, terdapat tujuh (7) buah kampus universiti awam yang telah beroperasi iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan lima (5) buah kampus cawangan universiti awam serta 27 buah institusi swasta bertaraf Kolej sehingga universiti beroperasi di negeri Johor.

Daripada jumlah tersebut, terdapat dua buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Kota Tinggi iaitu Kolej Komuniti Kota Tinggi dan Kolej Komuniti Bandar Tenggara serta dua buah IPTS yang sedang beroperasi di Kota Tinggi iaitu kolej Yayasan Pelajaran Johor dan Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT).

Semakan Jabatan juga mendapati telah ada sebuah kampus cawangan universiti awam iaitu Universiti Teknologi MARA, dua buah Kolej Komuniti dan sebuah kampus cawangan IPTS iaitu Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

Sekiranya sebuah institusi pendidikan tinggi baharu ingin ditubuhkan di Sedili dan Bekok khususnya, satu kajian feasibiliti yang komprehensif perlu dilaksanakan dengan lebih terperinci bagi memastikan pelaburan yang dilaksanakan kerajaan dapat memberi manfaat kepada negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)  
SOALAN 19 (A58)**

Apakah kaedah pengurusan orang kurang siuman yang diguna pakai kini? Seringkali apabila aduan dilakukan, aduan akan ditolak ke jabatan-jabatan berlainan yang akhirnya tiada penyelesaian.

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Untuk makluman YB Skudai, pihak Jabatan Kesihatan akan berpandukan akta yang melibatkan pengurusan "orang kurang siuman" iaitu Akta Kesihatan Mental 2001 & Peraturan Kesihatan Mental 2010.

Apabila terdapat orang awam yang didapati tidak siuman (membahayakan keselamatan diri sendiri atau orang awam), pihak polis biasanya akan merujuk ke Hospital Permai dan kes akan dirawat.

Apabila mereka kembali stabil, mereka akan di discaj dari Hospital Permai dengan ubatan & kembali kepada pangkuan keluarga. Temu janji susulan akan diberi bagi meneruskan rawatan Dan penilaian oleh pakar dari masa ke semasa.

Jika mereka dikategorikan "tidak siuman" oleh orang awam tetapi penilaian oleh Pakar Psikiatri mendapati beliau stabil, mereka tidak akan dimasukkan ke hospital.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)  
SOALAN 20 (A39)**

Memandangkan episod hujan berterusan dilaporkan akan melanda negara, bagaimanakah pihak kerajaan merancang untuk membantu mengelakkan banjir daripada berulang terutamanya di kawasan hotspot banjir di DUN Sungai Balang selain usaha mendalamkan parit?

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Pihak Kerajaan negeri Johor sentiasa merancang dan melaksanakan projek-projek yang boleh membantu mengelakkan banjir daripada berulang terutamanya di kawasan *Hotspot* DUN Sungai Balang selain usaha mendalamkan parit seperti:-

- a) Membaiki, menaiktaraf dan membina pintu air yang sediaada atau ban bagi memastikan banjir semasa hujan lebat dan air pasang tidak berlaku.
- b) Menyediakan pam untuk membuang air ke laut semasa hujan lebat dan air pasang berlaku serentak.
- c) Mengganti lintasan/jambatan yang boleh menyekat/menghalang aliran air supaya sistem saluran tidak tersekat dan berjalan lancar.

Pada masa ini juga kajian Semula Johor Barat sedang dijalankan untuk mendapatkan input terbaik untuk memastikan kaedah dan keperluan yang sesuai untuk mengatasi banjir di kawasan Sungai Balang dan sekitarnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)  
SOALAN 21 (A133)**

Mohon agar diwujudkan Pusat Pameran atau Pengumpulan Produk IKS dalam membantu usahawan desa dan IKS di Bukit Naning mempromosi, memasarkan serta meningkatkan penjualan IKS seperti One Stop Centre.

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan hab atau pusat makanan ringan oleh usahawan desa dan IKS di setiap daerah. Pusat makanan ringan ini bakal menjadi penanda aras dan contoh kepada usahawan desa/iks di negeri ini untuk memperluaskan rangkaian perniagaan dan mewujudkan banyak peluang perniagaan serta pekerjaan kepada masyarakat.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan menyedari dunia pendigitalan kini menjadi sebahagian daripada perniagaan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah memperkenalkan platform digital bersepadu MyMall pada pertengahan tahun 2022. Platform ini menggabungkan empat platform e-dagang iaitu ODELA, Pybli, Angsana Virtual Mall dan Warongku.

Ini dapat membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana mempromosi dan memperluaskan pasaran perniagaan mereka menerusi empat platform berkenaan.

MyMall juga akan bertindak sebagai pusat maklumat kepada usahawan untuk mendapatkan informasi berhubung pembiayaan, latihan atau pembangunan kapasiti, psikometrik pemasaran serta pelaksanaan ujian keusahawanan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)  
SOALAN 22 (A41)**

Minta dinyatakan usaha Kerajaan Negeri merangka pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah capaian liputan jalur lebar yang sangat lemah di kawasan Pekan Parit Raja yang pesat membangun.

**JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 yang kini sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) adalah merangkumi pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang bagi meningkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh Malaysia termasuk di kawasan DUN Parit Raja serta Pekan Parit Raja. Namun, pelan jangka pendek, lebih fokus kepada kawasan luar bandar dan pedalaman.

Inisiatif JENDELA Fasa 1 bagi DUN Parit Raja, merangkumi pembinaan 5 buah menara pemancar 4G baharu dan satu daripadanya berada di Pekan Parit Raja iaitu di Taman Pintas Jaya. Manakala, 72 buah stesen pemancar juga turut dinaiktaraf kepada teknologi 4G dan 15 daripadanya adalah stesen pemancar yang berada di dalam dan sekitar Pekan Parit Raja.

Selain itu, sambungan talian tetap gentian optik juga turut dirancang bagi 5,718 premis yang kebanyakannya bertumpu di Pekan Parit Raja dan kesemua inisiatif JENDELA Fasa 1 ini dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya suku ke-4 (empat) tahun 2023.

Perkembangan semasa pelaksanaan JENDELA Fasa 1 sehingga suku ketiga tahun 2022 di DUN Parit Raja adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Baharu Menara		Naik Taraf Stesen Pemancar		Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (Premis)		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
DUN PARIT RAJA	5	3	72	72	5,718	4,500	-	-

Usaha penambahbaikan liputan dan rangkaian adalah merupakan satu usaha yang berterusan oleh Kerajaan agar kualiti pengalaman oleh pengguna sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. Fasa 2 JENDELA seterusnya akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika Fasa 1.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

Maklumbalas daripada orang awam bagi kawasan secara spesifik yang masih mempunyai masalah perkhidmatan adalah amat dialu-alukan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sebarang aduan yang berkaitan kualiti perkhidmatan dan rangkaian telekomunikasi boleh disalurkan terus kepada portal aduan MCMC menerusi pautan laman web <http://jendela.my> atau <https://aduan.skmm.gov.my>.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)  
SOALAN 23 (A107)**

Apakah perancangan kerajaan dalam memberi keselesaan kepada mangsa banjir yang tinggal di pusat pemindahan sementara Kampung Pogoh, Segamat memandangkan PPS disitu terpaksa menggunakan khemah bukan bangunan seperti PPS yang lain?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor sentiasa prihatin dalam memberi keselesaan kepada mangsa banjir yang berpindah di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Dalam hal ini, JKM telah mengenalpasti premis yang mempunyai ruang yang luas untuk pemasangan *collapsible tent*, bekalan air, elektrik dan tandas untuk dijadikan PPS mengikut kawasan yang sering dilanda banjir.

Data statistik jumlah PPS yang telah dikenalpasti di daerah Segamat adalah sebanyak **200 buah PPS dengan kapasiti seramai 33,130 orang** mangsa banjir. Namun begitu, mangsa banjir yang tinggal di kawasan Kampung Pogoh, Segamat akan dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir Pogoh Tengah yang merupakan bangunan balairaya 2 (dua) tingkat dengan muatan seramai 100 orang. PPS ini juga telah dilengkapi dengan kemudahan air, elektrik, tandas dan ruang yang mencukupi untuk pemasangan *collapsible tent*.

Walau bagaimanapun, hasil semakan Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPPD) Segamat telah merancang untuk membina sebuah balairaya untuk dijadikan PPS di Kampung Chodan, Mukim Pogoh dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) tahun akan datang. Namun, setakat ini PPS Balairaya Kg Tekam dan Bangunan Haji Salim telah dicadangkan untuk dijadikan PPS yang dapat memberikan keselesaan kepada mangsa banjir.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)  
SOALAN 24 (A116)**

Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan kitaran makanan bagi Bangsa Johor terjaga. Khususnya bagi petani dan penternak yang mempunyai isu harga baja dan racun yang meningkat.

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Peningkatan harga baja dan racun meningkat berlaku di peringkat global dan juga di dalam negara. Ianya turut menyebabkan produk-produk berasaskan pertanian meningkat harganya. Kerajaan Negeri menyedari kebimbangan terhadap kesan kenaikan harga input pertanian (baja, racun, kelengkapan / peralatan pertanian), kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan kesan turun naik harga minyak di semua peringkat (global / dalam negara).

Bagi membendung kenaikan harga baja, sepanjang tahun 2021 dan tahun 2022, Kerajaan Negeri telah mengadakan insentif dengan memberi bantuan input baja kepada semua projek yang melibatkan pengeluaran tanaman makanan. Perbelanjaan bagi perolehan Baja pada tahun 2022 adalah sebanyak RM 3.25 juta dan memberi manfaat kepada lebih 3,300 orang petani.

Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian sedang mempergiatkan promosi dan penyampaian maklumat mengenai teknologi *Effective Microorganisma* atau Mikrob Berfaedah kepada para pekebun sedia ada (menggunakan baja kimia) agar beralih/ berpindah kepada pembangunan pertanian secara organik. Penggunaan teknologi Mikrob Berfaedah merupakan salah satu aspek penting dalam mengurangkan penggunaan baja dan racun kimia dalam aktiviti pertanian, sekaligus dapat memelihara alam sekitar. Pada masa kini, pengamalan pertanian organik masih rendah dan penggunaan baja dan racun kimia terus meningkat.

Di masa hadapan, bagi pembangunan pertanian organik, tumpuan akan diberikan kepada proses-proses pembuatan baja organik, pembuatan *bio-pest repellent* menggunakan bahan semulajadi yang terdapat di persekitaran melalui *hands on* di ladang pengusaha yang terpilih dalam usaha untuk menjadikan ladang tersebut sebagai ladang contoh yang mengamalkan pertanian organik.

Di Negeri Johor, pembangunan pertanian organik adalah melalui penggunaan mikrob berfaedah di ladang-ladang petani. Fungsinya sebagaimana sedia maklum ialah untuk membangunkan industri pertanian organik secara komersial dan berdaya saing. Pada masa yang sama, ianya juga akan mewujudkan pembangunan dan promosi teknologi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 4 DISEMBER 2022**

bagi menggalakkan pengusaha mengamalkan teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil yang bermutu tinggi.

Kerajaan Negeri Johor sentiasa memastikan kitaran makanan bagi bangsa Johor terjaga. Termasuk juga penternak yang mempunyai isu berkaitan harga baja dan input pertanian yang meningkat. Beberapa insentif dilaksanakan termasuk pemberian subsidi makanan ternakan dan bantuan bahan binaan projek ternakan. Kerajaan juga menggalakan penggunaan sumber tempatan dengan memberi bantuan benih untuk penanaman rumput napier sebagai makanan ternakan ruminan dan menggalakan penggunaan sumber rumput sedia ada di ladang tanaman utama seperti kelapa sawit secara integrasi. Pada tahun 2022, kerajaan menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memperuntukkan RM 6.18 juta kepada pembangunan industri penternakan dalam negeri Johor dengan manfaat kepada 1,012 orang penternak.